

Terkejut ayam bengkak, kebiruan sebelum mati

Jabatan Veterinar Kelantan sahkan
kes selesema burung di Pulau Tebu

oleh Siti Rohana Idris dan
Ahmad Izzati Mohamad Arisi
Email: bhkb@bh.com.my

Kota Bharu

Penduduk Kampung Pulau Tebu, Batu 5, Tunjong, terkejut apabila ayam peliharaan mereka menjadi bengkak dan kebiruan sebelum mati dalam tempoh tidak sampai 24 jam, sejak awal bulan ini.

Pemeriksaan yang dilakukan Jabatan Veterinar Kelantan (JVK) pada 6 Mac lalu mengesahkan ayam di kampung itu diserang selesema burung atau H5N1.

Berikutan itu, sehingga kini JVK

melupuskan 227 unggas yang terdiri daripada ayam kampung, angsa dan beberapa spesies burung termasuk 253 telur di kampung terbabit bagi mengelakkan penularan wabak itu.

Seorang penduduk, Roslaili Mohd Noor, 53, ketika ditemui di lokasi memberitahu beliau menyangka ayam kampung peliharaannya terkena penyakit sampar kerana ayam milik jirannya turut mengalami simptom sama.

"Ketiga-tiga ayam peliharaan saya menjadi bengkak di bahagian muka dan kebiruan serta lemah pada sebelah pagi sebelum mati pada petangnya.

"Bukan hanya ayam peliharaan

saya, tapi ia turut berlaku kepada beberapa ayam peliharaan jiran sebelum pihak JVK datang membuat pemeriksaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tinjauan BH di lokasi mendapati beberapa kakitangan dari Jabatan Kesihatan negeri hadir membuat pemeriksaan lanjut dalam usaha mengawal wabak terbabit.

Ayam, merpati dilupuskan

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau, Datuk Che Abdullah Mat Naw, berkata sehingga kini 227 unggas sudah dilupuskan yang sebahagian



Kakitangan Kementerian Kesihatan dan JPV memeriksa rumah penduduk di Kampung Pulau Tebu Tunjong, Kota Bharu, semalam.

Fakta nombor

300
METER

Keluasan kawasan yang diperiksa Kementerian Kesihatan

besarnya ayam kampung dan telur merpati manakala 253 telur turut dihapuskan bagi mengelak sebarang jangkitan.

"Kementerian Kesihatan juga membuat pemeriksaan kesihatan terhadap kawasan terbabit seramai 300 penduduk dalam lingkungan 300 meter dari lokasi dan didapati semua negatif.

"Setakat ini tiada kes baha dilaporkan namun JVK masih menjalankan tugas mengawal wabak terbabit," katanya ketika ditemui selepas mengadakan mesyuarat khas bersama beberapa agensi berkaitan di pejabat Setusaha Kerajaan (SUK) negeri ini.